

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan manfaat daripada kerjasama antara Pharmaniaga Lifescience Sdn. Bhd. dengan anak syarikat Kerajaan Negeri Sabah iaitu Qhazanah Sabah Sdn. Bhd. terhadap usaha vaksinasi berfokus kepada rakyat luar bandar di Sabah sedangkan vaksin CanSino dikatakan akan dikhususkan pembekalannya ke Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pharmaniaga telah menandatangani perjanjian *Supply Distribution Agreement (SDA)* pada 6 Ogos 2021 dengan **Qhazanah Sabah Sdn. Bhd.** (anak syarikat Kerajaan Negeri Sabah) bagi membekalkan bilangan dos vaksin berdasarkan permintaan oleh syarikat tersebut. Kadar vaksinasi negeri Sabah setakat ini sedikit rendah berbanding negeri-negeri lain dan dengan perjanjian tersebut, ianya dapat mempercepatkan pemvaksinasian mengikut keutamaan kategori penduduk yang ditentukan sendiri oleh Kerajaan Negeri. Bekalan vaksin Cansino dibekalkan ke negeri Sabah sebanyak 180,000 dos pada bulan Ogos manakala pada penghujung bulan September, negeri Sabah telah menerima sebanyak 119,000 dos.

Sekian, terima kasih.